



PEJABAT YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MALAPETAKA SCAM TERKINI

Malapetaka SCAM terkini: Bekas Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri telah menjadi mangsa *Scam* paling licik. Simpanan Tabung Hajinya sebanyak RM75 ribu lesap dalam 3 transaksi. Bekas Ketua Pengarah iaiti Datuk Fawziah Ramli menemui saya di Parlimen pada 27 April 2022 dan meminta bantuan agar tindakan diambil segera. Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negara sedang menyusul laporan ini.

2. Permohonan sementara oleh Datuk Fawziah: pengurusan bank wajib lebih bertangjawab dan terlengkap dengan proses susulan yang siap siaga. Menurutnya wang simpanan hayatnya itu dikeluarkan *scammer* dalam 3 transaksi yang sangat mencurigakan tetapi pihak bank tidak membuat susulan.
3. Datuk Fawziah memperakui warga emas yang rata-rata kurang memahami proses digital dalam talian, justeru mereka lebih memerlukan akaun dalam bentuk buku simpanan secara fizikal. Tanpa buku simpanan dan tandatangan atau cap jari wang tidak boleh dikeluarkan. Ini syor amat baik dan bersifat preventif.
4. Syor mangsa yang sedang dalam kesedihan ini harus dipertimbangkan oleh Tabung Haji dan sektor perbankan seluruh negara. Kecanggihan tampak sudah membawa kepada malapetaka besar-besaran. Dinamisme urusan talian *online* mesti didepani prasarana praktikal.
5. Kehilangan data kewangan pelanggan sudah mula dihebohkan. Ini tanda sistem digital bukan 100% kalis-*fraud* atau di luar penipuan.
6. Para penguatkuasa bangkitlah secara bersekutu. Atasi *scam* sebagai malapetaka rasmi rakyat. Tidak cukup dengan hanya bersama-sama

mengeluh bahawa *scammer* sangat canggih termasuk penggunaan "pukauan suara Hypnotisme".

7. Semua bank dan institusi kewangan bangkit bersama untuk mengatasi penipuan besar-besaran ini. Kalau Pindaan kepada SOSMA atau Kanun Keseksaan perlu dibuat. Ayuh segera lakukan demi keselamatan deposit rakyat.

Sekian, terima kasih.

SENATOR TAN SRI DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM

Yang di-Pertua Dewan Negara

28 April 2022
Kuala Lumpur